



**JADI PENGGUNA
YANG BIJAK**

BANTU ANAK ANDA MENGESAN BERITA PALSU

 **MediaLiteracyCouncilSG**
www.betterinternet.sg



CARA LUNGSURI TALIAN YANG BETUL

-  **MENGAJI**
lelaman web
-  **MENGESAHKAN**
maklumat
-  **MENYEMAK**
dengan pakar

 **CHECK
Please!**
Be Safe. Be Smart. Be Kind.



Pastikan dahulu sebelum berkongsi sesuatu, **SEMAK DAHULU!**

Berikut adalah 5 tip untuk membantu anak anda menjadi pengguna Internet yang sentiasa bijak.

01 MENGAJAR MEREKA CARA UNTUK MENYEMAK KESAHIHAN MAKLUMAT

Kongsikan cara-cara berguna tentang menyemak kesahihan sumber. Contohnya, ajari mereka mengesan kesilapan tatabahasa atau ejaan, memeriksa URL laman web untuk memastikan kesahihannya dan mengkaji halaman "Tentang Kami" atau "Hubungi Kami".

02 MENGINGATKAN MEREKA UNTUK MENGGUNAKAN MAKLUMAT YANG DIPERCAYAI

Terangkan kepentingan memperolehi berita daripada maklumat yang berwibawa, dan bukan daripada rakan-rakan atau media sosial sahaja. Bincangkan dan berikan contoh maklumat yang boleh dipercayai.

03 MENGGALAKKAN TABIAT MENYEMAK

Tunjukkan mereka cara untuk memastikan berita baru dengan menyemak sama ada laman web turut menyiarkan berita yang sama. Pastikan mereka memupuk tabiat untuk menyemak maklumat yang diperolehi dengan beberapa maklumat yang sahih.

04 MEMBERITAHU MEREKA TENTANG PAKAR YANG BOLEH DIPERCAYAI

Terokai laman web yang boleh digunakan untuk mengesahkan ketepatan berita seperti Factly (www.gov.sg/factly), Snopes (www.snopes.com), atau tulis kepada The Straits Times di askST@sph.com.sg. Untuk bantuan mencari maklumat yang boleh dipercayai, hantarkan e-mel kepada Pusat Rujukan Lembaga Perpustakaan Negara di ref@nlb.gov.sg.

05 MENGGALAKKAN MEREKA UNTUK MENGELAK BERKONGSI BERITA PALSU

Bantu mereka memahami bahawa berita yang tidak sah mungkin adalah palsu. Mereka harus mengelak daripada mempamerkan, menyebarkan atau mengirimi sesuatu berita tanpa menyemak terlebih dahulu.

